

## **PENYALAHGUNAAN DADAH DAN LANGKAH MENGATASI DARI SEGI KOGNISI DI PUSAT PENGASIH MALAYSIA**

### ***DRUG ABUSE AND WAYS TO OVERCOME IN TERMS OF COGNITIVE AT MALAYSIA PENGASIH CENTER***

*Suppiah Nachiappan, Sandra Piriya Perumalsamy Fatimah Haji Mohd  
Zulkafaly, Harikrishnan Andi  
Fakulti Sains Kemanusiaan  
Universiti Pendidikan Sultan Idris*

#### **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan menginterpretasikan faktor-faktor penyalahgunaan dadah dan langkah-langkah mengatasi dari segi kognisi dalam kalangan penagih dadah di pusat PENGASIH Malaysia. Kaedah Pedagogi Hermeneutik sebagai metodologi kualitatif dan interpretif digunakan untuk menginterpretasikan teks temu bual responden. Dapatan kajian menunjukkan faktor persekitaran, pengaruh kawan, perasaan ingin mencuba, masalah keluarga dan tekanan hidup menggalakkan kebanyakan orang terjebak dalam penyalahgunaan dadah ini. Beberapa tindakan yang boleh diambil oleh ibu bapa, guru, pihak kerajaan dan masyarakat untuk menangani masalah penyalahgunaan dadah. Implikasi kajian ini adalah dapat memberi kesedaran tentang bahayanya penyalahgunaan dadah. Dicadangkan juga cara-cara membanteras penyalahgunaan dadah.

**Kata Kunci:** penyalahgunaan dadah, pusat PENGASIH, kognisi dan Kaedah Pedagogi Hermeneutik.

#### **ABSTRACT**

The study aims to interpret the factors of drug abuse and cognitive measures to overcome among drug addicts in the center of PENGASIH Malaysia. Hermeneutic Pedagogical Methods as a qualitative and interpretive methodology are used to interpret respondents' interviewing texts. The findings show that environmental factors, the influence of friends, the desire to try, the family problem and the stress of life encourage most people to get caught up in the drug abuse. Some actions can be taken by parents, teachers, governments and the community to deal with drug abuse problems. The implication of this study is to provide awareness on the dangers of drug abuse. It is also recommended ways to combat drug abuse.

**Keywords:** drug abuse, PENGASIH Center, cognitive and Hermeneutic Pedagogy Method.

## PENGENALAN

Menurut *Kamus Dewan Melayu-English* (2004), dadah ataupun “*drug*” boleh didefinisikan sebagai ubat-ubatan. Dadah merupakan satu istilah yang mana sering dirujuk sebagai bahan yang akan memberi kesan yang memudaratkan kepada kesihatan manusia dari segi fizikal, mental, emosi dan tingkah laku jika disalahgunakan. Oleh yang demikian, Kerajaan Malaysia telah mengubal akta Dadah Berbahaya 1952 untuk menyenaraikan jenis-jenis dadah yang diharamkan dari segi penanaman, pengeluaran, eksport, import, pemilikan dan penyalahgunaannya.

Penyalahgunaan dadah boleh ditakrifkan sebagai penggunaan dadah yang kerap dan berlebihan tanpa mendapat arahan ataupun nasihat daripada pakar perubatan. Aktiviti-aktiviti lain termasuk dalam kategori penyalahgunaan dadah adalah seperti menjual, memiliki dan menyimpan dadah tanpa mempunyai lesen kebenaran yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan ataupun bertentangan dengan Akta Dadah Berbahaya 1952.

Peratusan penyalahgunaan dadah di Malaysia semakin membimbangkan pihak kerajaan memandangkan kerana penglibatannya lebih kepada remaja yang merupakan nadi negara pada masa hadapan bagi mencapai status negara maju selaras dengan Wawasan 2020 yang diperkenalkan oleh mantan Perdana Menteri kita yang ke-4, iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Berdasarkan statistik yang telah dikeluarkan oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), seramai 126,153 kes penyalahgunaan dadah sepanjang tempoh 2003-2008 dengan melibatkan 14,017 orang penagih baru setiap tahun. Namun begitu, bilangan penagih dadah didapati menunjukkan penurunan daripada 14.9 ribu penduduk pada tahun 2000 kepada 5.9 ribu pada tahun 2008. Ini dapat dicapai kerana banyak agensi kerajaan atau bukan kerajaan telah melaksanakan program pencegahan yang telah memberi kesan yang mendalam kepada masyarakat di Malaysia (AADK, 2013).

Pusat PENGASIH mula ditubuhkan pada tahun 1987 sebagai sebuah kumpulan sokong bantu bagi membantu dari segi pemulihan terutamanya bekas penagih dadah. Pelbagai program telah dirangka bagi mengatasi masalah penyalahgunaan dadah dari segi kognisi yang dilakukan oleh pusat pemulihan ini dan menyebabkan penurunan kadar penagih dari tahun ke tahun.

Pelbagai faktor sering dikaitkan dengan penyalahgunaan dadah seperti individu yang mempunyai masalah kehidupan seperti keruntuhan institusi keluarga, masalah perhubungan, pengaruh rakan sebaya dan masalah kewangan. Individu terutamanya remaja lebih mudah dipengaruhi oleh rakan sebaya dan pemilihan rakan juga akan menentukan sama ada baik atau buruk tingkah laku mereka.

Antara faktor lain seperti prestasi akademik yang lemah, menghadapi kemahiran sosial yang lemah, amalan keibubapaan yang tidak berkesan, terpengaruh dengan

rakan atau penjaga yang ketagihan serta mempunyai tanggapan ringan terhadap dadah juga menyumbang kepada masalah ini.

## OBJEKTIF KAJIAN

Beberapa objektif dikenal pasti bagi mencapai tujuan kajian, iaitu:

- a) Mengenal pasti punca penyalahgunaan dadah dalam kalangan penagih di pusat PENGASIH.
- b) Mengenal pasti usaha-usaha pemulihan yang dilakukan oleh pengawai-pegawai pusat PENGASIH.
- c) Mengenal pasti kaedah yang relevan dalam membantu proses pencegahan dilakukan oleh pihak PENGASIH dari segi kognisi.
- d) Mengenal pasti aktiviti susulan pusat PENGASIH selepas penagih keluar dari pusat PENGASIH.

## SOALAN KAJIAN

Beberapa soalan kajian dikenal pasti seperti berikut:

- a) Apakah punca penyalahgunaan dadah dalam kalangan penagih di pusat PENGASIH?
- b) Apakah usaha-usaha pemulihan yang dilakukan oleh pegawai-pegawai di pusat PENGASIH?
- c) Apakah kaedah yang relevan dalam membantu proses pencegahan dilakukan oleh pihak PENGASIH dari segi kognisi?
- d) Bagaimanakah penagih dipantau melalui program atau aktiviti susulan selepas mereka keluar dari pusat PENGASIH?

## METODOLOGI KAJIAN

### Reka Bentuk Kajian

Kajian ini berdasarkan reka bentuk kajian yang menggunakan analisis Hermeneutik sebagai metodologi yang digunakan untuk menginterpretasikan teks jawapan melalui temu bual bersama pegawai yang bertanggungjawab dan penagih dadah yang tinggal di Pusat PENGASIH.

### Kaedah Kajian

Kajian ini merupakan kajian yang berbentuk deskriptif yang menggunakan Kaedah Pedagogi Hermeneutik. Analisis Hermeneutik melihat setiap individu itu unik, iaitu mempunyai emosi, pemikiran dan tingkah laku yang tersendiri. Oleh sebab kajian ini berkait rapat dengan psikologi tingkah laku manusia, maka kaedah kualitatif amat bersesuaian.

Perkataan Hermeneutik berasal daripada dua perkataan Greek: *hermeneuein*, dalam bentuk kata kerja bermakna “*to interpret*” dan *hermeneia*,

dalam bentuk kata nama bermakna “*interpretation*”. Hermeneutik didefinisikan sebagai suatu proses menginterpretasi teks, iaitu mencari makna-makna dalam perkataan yang ditulis.

Manusia mengalami hidup melalui penggunaan bahasa dalam kehidupan dan bahasa memberikan pemahaman dan ilmu pengetahuan yang dianggap dua aspek yang penting yang terkandung dalam pendekatan Hermeneutik (Suppiah, 2014). Gadamer (1976) menyarankan, Hermeneutik sebagai suatu teori pemahaman. Gadamer menyatakan bahawa kesemua pemahaman dihasilkan daripada andaian-andaian. Individu mempunyai andaian-andaian yang membolehkan seseorang itu untuk memahaminya. Pengalaman Hermeneutik bukanlah sesuatu yang memeriksa dan menyemak secara objektif di luar daripada sesuatu objek, tetapi mengiktirafnya sebagai yang telah menjadi sebahagian daripada pengalaman-pengalaman kita.

Kaedah Pedagogi Hermeneutik mengutamakan proses penginterpretasian teks naratif dalam konteks sosiobudaya dan sejarah dengan mendedahkan makna yang tersirat yang terkandung di dalam sesebuah teks atau karya yang diselidiki (Suppiah, 2013). Penyelidikan yang berbentuk interpretasi Hermeneutik diperkembangkan daripada pendekatan Gadamer (1976) yang menyarankan seseorang untuk merefleksi diri dan menganalisis secara kritis dengan menggunakan kaedah penyelidikan dan saintifik.

Hermeneutik berfokus kepada teks sebagai sumber data, iaitu contoh teks yang terdiri daripada transkrip temu bual, diari, karangan, surat, soal selidik dan lain-lain. Kaedah yang digunakan dalam pendekatan Hermeneutik bermula dengan teks. Seterusnya dikenal pasti maklumat atau informasi yang bermakna dalam teks yang kemudiannya digunakan pula untuk menjana tema atau kategori daripada sekumpulan teks (Suppiah, 2003).

### **Ciri-Ciri Hermeneutik**

#### **i) Teks Sebagai Subjek Kajian (Temu bual)**

Menurut Rickman (1967), apa sahaja bentuk yang melahirkan ekspresi perasaan dan pemikiran manusia boleh dianggap sebagai teks yang boleh dianalisis dan diinterpretasikan melalui pendekatan Hermeneutik.

Teks lazimnya boleh berbincang mengenai kebolehpercayaan sesebuah teks dan bukan kesahihannya. Sesebuah teks dikatakan mempunyai kebolehpercayaan jika ia dicipta dan direkodkan tanpa sebarang manipulasi. Teks mesti dihasilkan dalam keadaan spontan dan setiap langkah dan pemerhatian mesti direkodkan dengan tepat supaya kebolehpercayaan teks itu boleh dipraktikkan.

#### **ii) Ciri-Ciri Keterbukaan (*Openness*)**

Keterbukaan penyelidik dalam menerima teks adalah suatu aspek dalam analisis Hermeneutik. Teks harus dilihat sebagai suatu keadaan keterbukaan untuk menginterpretasi aspek yang dikaji di dalamnya.

Unsur-unsur yang biasa terkandung di dalam teks seperti budaya, sejarah individu dan pengalaman penghasil teks adalah penting di dalam keterbukaan sesuatu teks semasa dikajinya. Teori pemahaman Gadamer (1976) menjelaskan proses am yang terlibat dengan teks dan penginterpretasi yang cuba berpandangan sama untuk mengkaji isi kandungan, iaitu makna yang menjadi fokusnya. Teori ini membantu untuk melihat yang lampau bukan sebagai objek penyiasatan, tetapi sebagai suatu sumber untuk mengesan makna tanpa henti-henti.

iii) **Ciri-Ciri Kekaburan pada Teks (*Ontoenigma*)**

Istilah *ontoenigma* pada teks yang dikaji adalah bersifat kabur atau kurang jelas dan biasanya menimbulkan pelbagai persoalan kepada penyelidik yang ingin menyelami teks tersebut. Loganathan menggunakan istilah *ontoenigma* untuk menggambarkan keadaan minda penyelidik semasa berdepan dengan isi teks yang dikajinya. Suatu teks dilihat (dibaca) melalui struktur luaran (tersurat). Kemudian, penyelidik menyelami makna melalui ayat-ayat yang dibaca untuk mencungkil makna yang tersirat di dalam struktur dalaman. Proses menghubungkan struktur luaran dan struktur dalaman ini dikenali sebagai Ontopretasi (Loganathan, 1992, 1996).

## DAPATAN KAJIAN

Berikut ialah analisis temu duga dari pusat-pusat PENGASIH serta menjelaskan beberapa aktiviti ataupun program yang dijalankan kepada penagih di pusat ini.

**Jadual 1:** Faktor penyalahgunaan dadah

Kawasan yang terlibat	Faktor penyalahgunaan dadah
Ibu Pejabat Pusat Pengasih	<ul style="list-style-type: none"><li>• Perasaan ingin mencuba</li><li>• Tidak dapat mengawal nafsu</li><li>• Pengaruh rakan</li><li>• Masalah keluarga dan peribadi</li></ul>
Jasin, Melaka	<ul style="list-style-type: none"><li>• Faktor persekitaran</li><li>• Masalah keluarga</li></ul>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hubungan dengan wanita terutamanya kegagalan cinta</li> </ul>
Mawai, Johor	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Masalah keluarga dan peribadi</li> <li>• Pengaruh rakan</li> </ul>

**Jadual 2:** Usaha-usaha pemulihan yang dilakukan untuk penagih oleh Pusat PENGASIH

Kawasan yang terlibat	Usaha-usaha yang dilakukan
Jasin, Melaka	<p>i) Program Jangka Masa Pendek</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Memberi pendedahan yang cepat kepada bekas penagih dadah mengenai bahaya dadah kepada manusia.</li> <li>• Bekas penagih hendaklah mengelakkan diri mereka dari penagih dadah yang aktif lagi. (tindakan individu bukan tindakan pusat pengasih)</li> <li>• Penagih dadah perlu mengikuti program “Spiritual” yang dijalankan secara mingguan dan kemajuan kendiri hendaklah dilakukan setiap hari.</li> </ul> <p>ii) Program Jangka Masa Panjang</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Satu platform untuk bekerja harus disediakan untuk bekas penagih selepas keluar dari penjara.</li> </ul>
Mawai, Johor	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengadakan program seperti keyakinan diri menerima dosa dan kesalahan dan luar dari undang-undang yang memberi keyakinan kepada penagih di pusat ini.</li> <li>• Mengadakan program Keyakinan Diri, Refleksi Diri dalam bertanggungjawab atas dosa serta Pendedahan Undang-undang dapat memberi keyakinan kepada penagih di pusat ini.</li> </ul>

**Jadual 3:** Program/ aktiviti khusus dari segi kognisi (ilmu pengetahuan yang dijalankan sebagai proses pencegahan di Pusat PENGASIH)

Kawasan yang terlibat	Program yang dijalankan
Ibu Pejabat Pusat Pengasih	<ul style="list-style-type: none"><li>• Program dari segi kognisi di pusat ini memang dapat memberi motivasi kepada residen di pusat ini.</li></ul>
Jasin, Melaka	<ul style="list-style-type: none"><li>• Program yang memantapkan penagih dari segi kognisi sedang dijalankan di pusat ini, misalnya program sidang malam.</li><li>• Program kumpulan sokongan pula mewujudkan semangat perpaduan dan keyakinan diri dalam kalangan penagih yang tinggal di pusat ini.</li><li>• Program kerohanian, iaitu pembacaan Al-Quran memberi bimbingan dan kesedaran kepada penagih sebagai panduan menjalani kehidupan harian.</li></ul>
Mawai, Johor	<ul style="list-style-type: none"><li>• Aktiviti khusus dari segi kognisi yang dijalankan di pusat ini adalah terapi pemulihan.</li></ul>

**Jadual 4:** Cara penagih dipantau melalui program susulan selepas mereka keluar dari pusat PENGASIH

Kawasan yang terlibat	Cara-cara yang digunakan
Ibu Pejabat Pusat Pengasih	<ul style="list-style-type: none"><li>• Menganjurkan Program Kumpulan - program untuk bertemu dengan bekas penagih.</li><li>• Jamuan makan juga diadakan untuk memantau bekas residen di pusat ini.</li></ul>
Jasin, Melaka	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pusat ini menjaga kebijakan dan prihatin terhadap bekas penagih melalui “<b>Program Support Group</b>” sebulan sekali.</li></ul>
Mawai, Johor	<ul style="list-style-type: none"><li>• Mengadakan perjumpaan sebulan sekali dengan bekas residen pusat ini.</li></ul>

## **PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN**

Berdasarkan analisis temu duga, didapati bahawa antara faktor utama yang mendorong kepada penyalahgunaan dadah ialah pengaruh kawan. Pergaulan dengan orang yang tidak berkelakuan baik menyebabkan kebanyakan orang terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Pada usia keremajaan, remaja lebih berpengaruh dengan kawan-kawan kerana mereka meluangkan masa yang berlebihan dengan kawan-kawan. Apabila kawan-kawan mereka mendampingi mereka untuk terlibat dalam kegiatan ini, mereka tidak dapat mengelak diri mereka daripada gejala negatif ini.

Selain itu, faktor persekitaran juga salah satu aspek yang menyebabkan penagih terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Faktor persekitaran mempengaruhi penagih kerana mereka tertarik dengan cara hidup penagih dadah ataupun percaya kata-kata penagih yang lain. Tempat tinggal mereka mungkin merupakan tempat pengedaran dadah dan pusat memperoleh dadah.

Di samping itu, perasaan ingin tahu juga merupakan faktor yang menyebabkan ramai penagih mengambil jalan mudah dengan melibatkan diri mereka di dalam kancah ini terutamanya remaja. Mereka tidak mampu mengawal nafsu mereka dan mereka mula menagih semula. Ini kerana semasa peringkat remaja, mereka lebih disinonimkan sebagai satu peringkat usia yang sedang mencariidentiti diri serta arah tuju hidup mereka (Siti Ruslan, 2009). Remaja juga lebih menjurus ke arah ingin mencuba sesuatu yang baru bagi merasai sendiri pengalaman bagi situasi yang dicuba seperti penglibatan penyalahgunaan dadah. Di sini dapat tahu bahawa remaja cepat melibatkan diri dalam penyalahgunaan dadah. Pada usia seperti ini remaja mempunyai keinginan yang tinggi untuk mencuba benda yang baru kerana faktor perubahan hormon.

Selain itu, penagih juga terlibat dalam penyalahgunaan dadah kerana ahli keluarga gagal memberi kasih sayang kepada penagih. Tekanan ini menyebabkan mereka terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Keluarga yang berpecah belah juga menyebabkan seseorang terlibat dalam penyalahgunaan dadah.

Di samping itu, faktor kegagalan dalam hubungan seperti putus cinta dengan kekasih dan kekasih mengadakan hubungan sulit dengan orang lain juga mengakibatkan peningkatan stres dalam kalangan penagih dan menyebabkan mereka terjebak dalam kancah dadah ini. Keretakan dalam hubungan suami isteri juga membawa seseorang ke gejala yang negatif ini.

Faktor depresi juga merupakan salah satu faktor pendorong yang mengheret ramai penagih ke kancah dadah ini. Tekanan dalam hubungan kekeluargaan, stres di tempat kerja, putus cinta menimbulkan tekanan dan untuk melupakan kekecewaannya ramai terjebak dalam penyalahgunaan dadah ini.

## **RUMUSAN**

Kesimpulannya, terdapat pelbagai faktor yang menyumbangkan dalam pengambilan dadah dalam kalangan penagih yang tinggal di pusat PENGASIH.

Namun, faktor asas yang mempengaruhi kehidupan penagih dadah adalah kekurangan moral dalam kalangan penagih. Menyedari hal tersebut, kebanyakan pusat telah menyelitkan unsur-unsur keagamaan di dalam program yang dijalankan di pusat PENGASIH. Usaha-usaha dari segi kognisi ini dapat membantu memulihkan penagih. Langkah-langkah mengatasi dari segi kognisi membantu para penagih yang tinggal di pusat ini insaf dan memiliki kerjaya sendiri. Oleh itu, semua pihak hendaklah berganding bahu dan mengatur strategi untuk mengatasi masalah ini yang juga dianggap musuh utama Negara seperti yang dijalankan oleh Pusat PENGASIH, Malaysia.

## RUJUKAN

- Agensi Anti Dadah Kebangsaan. (2013). Laporan Dadah.
- Kamus Dewan Edisi Ke-4.* (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gadamer, H. G. (1976). *Philosophical Hermeneutics.* USA: University of California Press.
- Loganathan, K. (1992). *Hermeneutics Analysis of Discourse.* India: International School of Dravidian Linguistics.
- Rickman, H. P. (1967). *Understanding and The Human Studies.* London: Heinemann Educational Books Ltd.
- Siti Ruslan. (2009). *Penyalahgunaan Dadah dalam Kalangan Remaja.* Laporan Projek Ijazah Sarjana Muda Kaunseling. Sarawak: Universiti Malaysia Sarawak (Tanpa Terbit).
- Suppiah Nachiappan. (2003). *Proses Kognitif dalam Penulisan Esei Melalui Analisis Hermeneutik.* Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia (Tanpa Terbit).
- Suppiah Nachiappan. (2013). *Proses Kognisi dan Afeksi: Kaedah Pedagogi Hermeneutik dan Interpretasi.* Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Suppiah Nachiappan. (2014). *Gaya Bahasa dan Proses Kognisi: Kaedah Pedagogi Hermeneutik dan Interpretasi.* Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

